

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 22 Februari 2016 15:15
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 60 DELEGASI UNIVERSITI PANCASAKTI TEGAL INDONESIA CETUSKAN AMBIEN ELEGAN



22 FEBRUARI 2016 / 13 JAMADILAWAL 1437H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

**60 DELEGASI UNIVERSITI PANCASAKTI TEGAL INDONESIA CETUSKAN
AMBIEN ELEGAN**



ANJUNG TAMU ONLINE: Kesegaran alam semulajadi di kampus Sintok tetap menawarkan peluang menikmati keindahan tanpa had kepada semua tetamu yang tidak putus-putus menjejak kaki ke UUM Welcome Centre. Meskipun perjalanan mereka jauh atau dekat, namun senyuman tetap terukir di bibir.

Inilah hakikat apabila delegasi dari Universiti Pancasakti Tegal (UPT) Indonesia disambut mesra semasa ketibaan mereka di Welcome Centre.

Wakil Rektor, Dr. Dino Rozani bersama 60 delegasi begitu teruja semasa Discover UUM yang membawa pulang pelbagai kenangan indah ke seberang. Malahan, delegasi gemar berbelanja di *Gift Shop* Welcome Centre setelah selesai taklimat umum tentang UUM disampaikan.

Kata Dr. Dino, “Kami dari Universiti Pancasakti Tegal Jawa Tengah Indonesia mengucapkan berbilang terima kasih atas sambutan yang begitu hebat”.

“Saya dan seluruh staf merasa kagum khususnya dalam bidang akademik hingga kami ingin mewujudkan kerjasama ini”, tambahnya lagi.

Lawatan antarabangsa dengan kerjasama Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC) ini telah diakhiri dengan ucapan daripada wakil delegasi, “kami menunggu kunjungan balasan dari UUM saudara kita yang baru”.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

